# KISAH KEJAYAAN SUKU TAHUN KEDUA 2017
# PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KG ULU SEPERI

**Types of Success Story** *(please tick (√) one)*

- ☑ Keusahawanan
- ☐ Celik ICT / Komuniti Pintar

**Service Provider** *(please tick (√) one)*

- ☑ Telekom Malaysia (TM)
- ☐ Celcom
- ☐ Maxis
- ☐ Digi
- ☐ Packet 1 (P1)
- ☐ Time
- ☐ Redtone
- ☐ Danawa

| ITEM<br>JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| **Maklumat PI1M** | **Nama PI1M**: *PI1M KG ULU SEPERI*<br>**Nama Pengurus**: *NUR FARAZIAH BINTI MD JAMIL* — **No. Telefon**: *0129805760*<br>**Nama Penolong Pengurus**: *NURFAIZZIN BINTI MUSA* — **No. Telefon**: *0136127674*<br>**Email**: *uluspri@pi1m.com.my* |
| **Lokasi** | **Daerah**: *JELEBU* — **DUN**: *CHENNAH*<br>**Mukim**: *GELAMI LEMI* — **Parlimen**: *P.126-JELEBU*<br>**Negeri**: *NEGERI SEMBILAN* |

<table>
<tr><th>ITEM JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat Individu/ Organisasi</td><td>
<table>
<tr><td>Nama</td><td>RAZAMI BIN MOHD SAMSI</td><td>Umur</td><td>31 TAHUN</td></tr>
<tr><td>Email</td><td>Emyz86@yahoo.com.my</td><td>No. Telefon</td><td>011-26821980</td></tr>
<tr><td>Alamat</td><td>NO 40 FELDA TITI 71600<br>KUALA KLAWANG JELEBU<br>NEGERI SEMBILAN</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>1 JUN 2015</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Bentuk perniagaan</td><td>Usahawan yang menyediakan perkhidmatan Bekam Sunnah</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>
<u>Latar belakang</u><br><br>
Selain daripada kemahiran keusahawanan itu sendiri, kemahiran komputer dan penggunaan internet juga diantara keperluan asas seseorang usahawan untuk memulakan sesuatu bidang perniagaan yang ingin diceburi. Pada masa kini, seseorang usahawan tidak hanya tertumpu pada produk sahaja semata-mata. Hal ini demikian kerana, para usahawan juga perlu mencari inisiatif lain untuk mempelajari cara pemasaran yang berbeza daripada usahawan yang lain bagi menampilkan keunikkan dan identiti yang tersendiri. Justeru, saya memilih Pusat Internet 1Malaysia (Pi1M) untuk dijadikan sebagai medium untuk menambahkan ilmu dalam bidang keusahawanan ini.<br><br>
Saya pernah beberapa kali berkunjung ke Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri bagi mendapatkan perkhidmatan internet, cetakan dan juga fotostat. Pada awal kunjungan saya ke sini, saya tidak mengetahui bahawa di Pi1M menyediakan kelas-kelas komputer dan keusahawanan secara percuma kepada komuniti setempat. Setelah mendengar penerangan daripada petugas Pi1M mengenai kemudahan yang ditawarkan saya mula berasa berminat terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan di sini. Lantas, saya mengambil keputusan untuk mendaftar sebagai ahli di sini kerana sebaik sahaja saya menjadi ahli saya berpeluang untuk mengikuti kelas-kelas yang dianjurkan secara percuma di samping mendapatkan perkhidmatan di Pi1M dengan lebih murah dan menjimatkan. Sejurus saya menjadi ahli di sini, saya tidak lagi berkunjung ke mana-mana Cyber Café yang lain.
</td></tr>
</table>

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| | **<u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u>**<br><br>*Saya pernah mengikuti kelas keusahawanan di sini bersama-sama usahawan yang lain ketika Program Hari Bersama Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri pada bulan Januari yang lalu. Selain itu, saya juga menggunakan perkhidmatan komputer dan internet yang terdapat di Pi1M untuk mengakses laman sosial Facebook saya. Sebelum mengikuti kelas keusahawanan di Pi1M, saya hanya membuat perkhidmatan bekam kepada komuniti setempat sahaja kerana ini merupakan pendapatan sampingan saya di samping ingin membantu masyarakat di luar sana hidup dengan gaya yang sihat. Saya tidak mengenakan caj yang tinggi kepada mereka iaitu hanya RM50.00 untuk keseluruhan bekam berbanding harga pasaran di luar sana iaitu RM10.00 – RM15.00 untuk satu cup bekam. Hal ini demikian kerana, saya berniat untuk membantu mereka sakit dan kurang berkemampuan.*<br><br>**<u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u>**<br><br>*Di samping tugas hakiki saya sebagai Pembantu Makmal di SMK Undang Jelebu, Kuala Klawang saya mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang perniagaan / keusahawanan. Minat yang mendalam terhadap bidang perniagaan menjadi kenyataan dengan bantuan dan khidmat nasihat daripada petugas Pusat Internet 1Malaysia. Selain itu, saya turut mempunyai pengetahuan dalam menggunakan internet dan jika terdapat sebarang permasalahan saya akan merujuk terus kepada petugas Pi1M untuk memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya.*<br><br>*Selanjutnya, melalui kelas latihan keusahawanan yang dijalankan di Pusat Internet 1Malaysia ulu Sepri ini, saya kini telah memiliki facebook page sendiri yang dapat mempromosikan perkhidmatan yang saya tawarkan. Selain itu, saya juga dimaklumkan mengenai aplikasi terbaru iaitu aplikasi Dashboard. Saya amat tertarik dengan program ini kerana saya dapat memasarkan produk/perkhidmatan saya dan seterusnya memperluaskan segmen pasaran saya.*<br><br>*Di samping itu, dengan adanya kemahiran ini kini saya mampu meningkatkan pendapatan sampingan saya kepada RM200.00 sebulan berbanding RM100.00 sebelum ini.* |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Penggunaan PI1M</td><td>
<u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u><br><br>
- Mempelajari mengenai kemahiran keusahawanan<br>
- Mempelajari asas komputer dan internet melalui silibus Intel<br>
- Mempelajari cara membuat pemasaran online melalui facebook iaitu belajar memuat turun gambar ke dalam akaun facebook.<br><br>
<u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u><br><br>
- Pi1M membantu mempromosikan produk/perkhidmatan dengan menggunakan laman sosial Facebook<br>
- Pusat Internet 1Malaysia banyak memberi pendedahan kepada saya mengenai kemahiran keusahawanan dan petugas memberikan layanan yang baik kepada saya setiap kali kunjungan saya ke sini.<br>
- Memberi kelas tambahan dengan kerap lagi terutama cara pemasaran yang lebih menarik lagi.
</td></tr>
<tr><td>Online Platform</td><td>
<table>
<tr><td>Laman Web</td><td>-</td><td>Blog</td><td>-</td></tr>
<tr><td>FB</td><td>Emy Mohd Samsi</td><td>Instagram</td><td>emy mohd samsi</td></tr>
<tr><td>Whatsapp</td><td>011-26821980</td><td></td><td></td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td></td><td>
i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawan yang dihadiri<br>



</td></tr>
</table>

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| **Gambar & Keterangan** | Caption : Antara kelas keusahawanan yang telah disertai oleh peserta<br><br>ii) Produk / Hasil Transformasi<br> <br>Caption :Antara pelanggan yang membuat perkhidmatan bekam dan juga peralatan yang diperlukan untuk membuat bekam |
| **Maklumbalas** | ***Maklumbalas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M***<br><br>*Saya berpendapat bahawa silibus atau kelas yang diadakan banyak memberi peluang pada masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan pengetahuan tentang dunia digital. Selain itu, program Dashboard yang terbaru amat menarik untuk dicuba oleh segenap lapisan masyarakat* |